

U B916 AAB
MAHATHIR-OIC

SUBANG 1 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN MESYUARAT PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (OIC) SEBAGAI BERJAYA SUNGGUHPUN TIADA KEMAJUAN TERCAPAI DALAM MASALAH PERANG IRAN-IRAQ.

KATANYA, YANG PENTING PADA MESYUARAT ITU IALAH RAMAI PEMIMPIN TERMASUK KETUA-KETUA NEGARA DAN KETUA-KETUA KERAJAAN DAPAT BERKUMPUL DI SATU TEMPAT TERMASUKLAH PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG DIKATAKAN MEMPUNYAI FAHAMAN YANG BERBEZA.

KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SINI HARI INI, SELEPAS MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU DAN KEMUDIAN MELAWAT INDIA, PERDANA MENTERI BERKATA, PERTEMUAN ITU DAPAT MEWUJUDKAN SATU DISIPLIN YANG SIHAT.

MENURUTNYA, HASIL PERTEMUAN ITU JUGA RAMAI DARIPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN TERLIBAT DAPAT BERHUBUNG SEMULA UNTUK BERUSAHA MENYELESAIKAN MASALAH SESAMA MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA, PADA PANDANGANNYA, MALAYSIA JUGA BERJAYA PADA PERSIDANGAN ITU KERANA MENDAPAT SOKONGAN OIC MENGENAI DUA PERKARA IAITU SOAL DADAH DAN ANTARTIKA. -- LAGI.
2041MST 01 02 87

0723

U B917 AAB
MAHATHIR-OIC 2 SUBANG

MENGENAI NAJIS DADAH, PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA ANGGOTA OIC BERSETUJU UNTUK MEMBERI PERHATIAN SERIUS KEPADA MASALAH ITU, DAN MEREKA JUGA MENYETUJUI TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH MALAYSIA.

BERKAITAN SOAL ANTARTIKA, PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA NEGARA OIC MENYOKONG PENDIRIAN MALAYSIA MENGENAI PERKARA ITU.

INI BERMAKNA ANTARTIKA BUKAN LAGI SOAL YANG DIMINATI OLEH MALAYSIA SAHAJA, MALAHAN SUDAH BANYAK NEGARA LAIN YANG MENUNJUKKAN MINAT SECARA SERIUS TERHADAP SOAL INI, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN, MALAYSIA JUGA MENYOKONG PENUH PENDIRIAN NEGARA-NEGARA ISLAM MENGENAI BEBERAPA ISU SEPERTI YANG DIUTARAKAN DALAM UCAPANNYA PADA PERSIDANGAN ITU.

BAGAIMANAPUN, PADA UMUMNYA DALAM UCAPAN ITU, BELIAU MENYAMPAIKAN RASA TIDAK PUASHATI MALAYSIA KERANA MASIH TERDAPAT BANYAK PERBALAHAN DI KALANGAN ANGGOTA OIC.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK MENGHADIRI ACARA PENUTUP PERSIDANGAN KERANA TERPAKSA BERLEPAS UNTUK LAWATAN KE INDIA -- BERNAMA.

2048MST 01 02 87